

women\_career.

p. 40-41.

## DILEMA WANITA

# Antara Kerjaya dengan Keluarga

Professional boleh ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kepakaran, berstatus tinggi, dan bekerja sebagai pembuat keputusan. Menurut Pengarah Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMCED), Profesor Dr. Abdul Rahim Abdul Rashid, lebih daripada 70 peratus daripada wanita profesional di negara ini memilih untuk tidak berkahwin berikutan dilema yang terpaksa dihadapi dalam membuat pilihan antara kerjaya dengan keluarga.

**WANITA** kadang kala sukar mengimbangi antara keluarga dengan kerjaya.



Mengikut perangkaan terkini, penduduk Malaysia dianggarkan lebih banyak wanita berbanding dengan lelaki – 55 peratus wanita dan 45 peratus lelaki. Pertambahan ini menyukarkan wanita profesional untuk mendapatkan pasangan hidup, apatah lagi mereka terpaksa menngisi tuntutan profesion masing-masing.

Walaupun apa-apa pun, masih ada 30 peratus lagi wanita profesional yang berkahwin dan mempunyai keluarga. Lantaran itu, wanita yang berkerjaya ini harus mengimbangi antara tugas keluarga dengan profesional.

#### Peranan Wanita Mengikut Pemikir Islam

Abdul Halim Muhammad Abu Syuqqah merupakan ahli fikir dari Indonesia yang berpegang teguh kepada syariat Islam. Beliau membahagikan lapan garis utama penglibatan wanita dalam bidang umum, iaitu:

- Kegiatan masjid – contohnya melaksanakan solat wajib, solat jenazah, atau solat gerhana.
- Majlis taklimat dan ilmuwan baik di masjid mahupun di rumah ulama.
- Pergi Masjidil Haram untuk mengerjakan ibadah haji dan umrah.
- Tempat mengadakan upacara atau jamuan seperti jamuan hari raya.
- Berperanan sebagai saksi di mahkamah pengadilan.
- Menguruskan jenazah, mengucapkan takziah, menyembahyangkan jenazah, dan melawat jenazah walaupun tidak sampai ke kubur.
- Berperanan di medan jihad – menyiapkan makanan, minuman, dan mengubati orang yang cedera. Bermakna sejak zaman Nabi Muhammad SAW wanita sudah dibolehkan menjadi jururawat.
- Berperanan dalam *bermukabalah* – contohnya bagaimana ketika Nabi Muhammad SAW *bermukabalah* dengan utusan kaum Nasrani dari Najran.

#### Antara Keluarga dengan Kerjaya

Dalam konteks Malaysia sekarang penglibatan wanita amat diharapkan, bukan sahaja dalam tugas yang biasa (rumah tangga dan keluarga), tetapi juga dalam lingkungan yang lebih luas, mengikut aspek pembangunan masyarakat dan negara. Slogan, "Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara" menggambarkan wanita sebagai penyokong yang teguh dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial di negara ini.

Semakin hari semakin banyak wanita melibatkan diri dalam pekerjaan, bukan

setakat pada sektor pekerjaan tidak mahir di kilang multinasional, tetapi juga dalam sektor pekerjaan strategik seperti pemimpin politik, pegawai awam dan swasta, usahawan, dan banyak lagi.

Wanita sekarang menceburkan dirinya sepenuh masa dalam bidang profesional di samping menjadi isteri, ibu, dan ahli masyarakat. Wanita solehah ialah wanita yang cantik lahir dan batinnya, baik memilih kecantikan asli atau kecantikan ideal. Wanita solehah ialah wanita yang benar-benar mencintai Allah dan Rasul-Nya serta mencintai semua pencinta Allah.

Oleh sebab itu, wanita profesional mesti mengetahui peranan utama mereka dilahirkan ke dunia. Ada enam peranan yang harus diimbangi oleh wanita berkerjaya.

Apabila wanita memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah, isteri, ibu, dan sebagai ahli masyarakat barulah wanita dapat mengimbangi antara tugas keluarga dengan profesional.

Pertama, peranan dan tanggungjawab terhadap diri sendiri merupakan perkara yang terpenting. Tanggungjawab bermaksud mempunyai kewajipan terhadap sesuatu, memikul kewajipan, ataupun menanggung segala-galanya. Kewajipan mutlak bagi setiap hamba Allah terhadap Khaliknya adalah beribadah kepada-Nya dan tidak menyekutukan-Nya. Beribadah kepada Allah dalam konteks ini bermakna mengerjakan Rukun Islam yang lima. Beribadah bukan hanya terbatas kepada solat, puasa, zakat, haji, malahan meliputi hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitarnya.

Kedua, tanggungjawab wanita sebagai isteri terhadap suami. Isteri ialah pendamping suami dalam setiap situasi, menemani dalam ketika gembira dan menghibur suami ketika duka. Tanggungjawab isteri terhadap suami meliputi menjaga makan minum, pakaian, menghiari diri, melayan suami, serta menjaga kehormatan diri ketika suami tiada di rumah.

Ketiga, tanggungjawab wanita sebagai ibu terhadap anak-anaknya. Anak-anak laksana mutiara yang berharga, indah

dan bersih daripada segala gurisan. Ia menerima apa-apa sahaja yang diajarkan kepadanya. Jika dibiasakan anak-anak dengan perbuatan yang baik, maka mereka membesar dalam keadaan baik. Sebagai ibu yang bekerja, bereskan segala tugas di rumah sebelum melangkah keluar meninggalkan anak-anak supaya mereka tidak terasa diabaikan.

Keempat, tanggungjawab wanita terhadap kerjaya. Wanita menceburkan diri dalam kegiatan profesional disebabkan oleh beberapa perkara seperti minat, membantu suami, berniat mencapai sesuatu kepentingan, serta berkorban demi kebaikan. Semasa bekerja wanita tertakluk kepada undang-undang pekerjaan. Dalam jangka masa sembilan jam di pejabat, macam-macam kerja yang mesti dibuat dan diselesaikan mengikut waktu yang ditetapkan. Berikutan itu, wanita berkerjaya harus bijak mengimbangi antara waktu bekerja dengan tugas di rumah. Walaupun wanita menjadi ketua (bos) di pejabat, tetapi apabila di rumah wanita harus menaati perintah suami dan melayani anak-anak.

Islam menggariskan bahawa isteri wajib menyambut kepulangan suami dengan wajah yang manis, lembut, dan penuh keceriaan agar dapat mewujudkan suasana rumah tangga yang bahagia. Sekiranya suami dan isteri sama-sama bekerja dan menaiki kenderaan yang sama, sebagai seorang isteri harus menunjukkan muka yang manis, melayan perbuatannya walaupun dalam apa-apa keadaan sekalipun. Namun, suami juga harus memahami keadaan isteri dan kedudukannya sebagai wanita yang berkerjaya.

Kelima, wanita juga merupakan ahli masyarakat. Wanita tidak dihalang untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosial, asalkan mereka senantiasa memperlihatkan nilai murni, berpegang teguh kepada etika, dan tidak melanggar hukum-hukum yang ditentukan oleh agama. Sebagai ahli masyarakat, wanita hendaklah melibatkan diri dalam kegiatan amal kebajikan, sukarela, dan pertubuhan yang berbentuk kemasyarakatan. Penglibatan wanita dalam bidang sosial digalakkan memandangkan banyak faedah yang dapat diperolehi daripada aktiviti yang dilaksanakan.

Apabila wanita memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah, isteri, ibu, dan sebagai ahli masyarakat barulah wanita dapat mengimbangi antara tugas keluarga dengan profesional. Wanita harus memanfaatkan waktu secara maksimum sehingga dapat menjadi ahli masyarakat yang produktif dan tidak menjadi seorang penganggur dalam setiap fasa kehidupannya.